

# **Mekanisme Penilaian Kursus dan Hubungannya dengan Penerimaan Pelajar Terhadap Kursus CTU di UiTM**

**Rubiah Abu Bakar<sup>1\*</sup>, Che Zuina Ismail<sup>1</sup>,  
Ahmad Fakhrulazizi Abu Bakar<sup>2</sup>, Najdah Abd Aziz<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu, Malaysia*

<sup>2</sup>*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu*

<sup>3</sup>*Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu*

\*Pengarang Penghubung  
rubiah73@uitm.edu.my

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau mekanisme penilaian kursus dan hubungannya dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU di UiTM. Kajian ini melibatkan seramai 300 orang pelajar sebagai responden yang mengambil kursus CTU dan sedang mengikuti kursus Diploma di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu. Instrumen soal selidik telah dibina dan disahkan kandungannya dengan tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach (0.964) - tinggi. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan min, sisihan piawai, peratus, dan korelasi Pearson. Dapatkan kajian mendapati mekanisme penilaian kursus diterima dengan baik dengan purata min (3.999) dan berada pada tahap tinggi. Analisa korelasi mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara mekanisme penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU. Implikasi kajian telah merumuskan elemen-elemen penilaian kursus perlu diberi perhatian oleh semua pihak dalam usaha untuk membantu penerimaan pelajar terhadap kursus CTU agar sistem pembelajaran berjaya mencapai objektif yang dirangka.*

**Kata Kunci:** *Pelajar; Penilaian Kursus; Penerimaan*

## **COURSE EVALUATION MECHANISM AND IT'S RELATIONSHIP TO STUDENT ACCEPTANCE OF CTU COURSES AT UITM**

### **ABSTRACT**

*This study aims to review the course evaluation mechanism and its relationship to students' acceptance of the CTU course at UiTM. This study involved 300 students as respondents taking CTU courses and currently pursuing Diploma course at UiTM Terengganu Branch Kuala Terengganu Campus. The questionnaire was developed and validated with Cronbach's alpha (0.964) - high reliability level. Survey data were analyzed descriptively and inference using Pearson's mean, standard deviation, percentages, and correlations. The study found that the course evaluation mechanism was well received with an average mean (3.999) and was of high quality. Correlation analysis revealed a significant relationship between course evaluation mechanism and student acceptance of CTU courses. The implications of the study were that the elements of course evaluation need to be addressed by all parties to assist students in the CTU course in order for the learning system to achieve its intended objectives.*

**Keywords:** Student, Course evaluation, Acceptance

### **PENGENALAN**

Kurikulum merupakan satu komponen yang amat penting yang boleh diumpamakan seperti jantung kepada sesebuah institusi pendidikan. Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina dan memajukan perkembangan diri yang lengkap meliputi rohani, akal, emosi dan jasmani serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang mulia dalam penyampaian ilmu pengetahuan. Oleh demikian apabila kurikulum yang disediakan mantap dan dinamik, graduan yang dilahirkan oleh Institusi Pengajian Tinggi berkenaan akan dapat memenuhi pasaran kerja mengikut keperluan industri dan negara. Jika kurikulum yang disediakan tidak mengikut keperluan semasa, maka berlakulah keadaan sebaliknya. Pelaksanaan pembelajaran berdasarkan hasil (OBE) memerlukan perubahan fokus dari sistem pembelajaran tradisi yang bertumpu kepada kurikulum


kepada sistem pembelajaran yang memberi tumpuan kepada pelajar bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan melalui kurikulum, kaedah penyampaian dan kaedah penilaian (Muhamad Rahimi, 2010). Pelaksanaan kurikulum yang mengikut keperluan semasa ini juga menjadi sebab kepada penerimaan pelajar terhadap sesuatu kursus yang telah ditawarkan.

Mekanisma penilaian yang digubal dalam kurikulum pengajian adalah salah satu cara untuk mengukur penerimaan dan pencapaian kecemerlangan akademik pelajar. Proses penilaian ini telah bermula semenjak bermulanya sistem pendidikan. Penilaian ialah satu proses yang sistematik semasa mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang telah ditetapkan itu telah tercapai. Ini seterusnya membolehkan guru membuat pertimbangan atau keputusan yang tepat berhubung pengajaran dan pembelajaran (Che Yusof, 2009)

Di UiTM, penilaian untuk kursus CTU dilaksanakan dalam berbagai kaedah, seperti kerja kursus, ujian, pembentangan, hafazan dan online diskusi. Kaedah kuliah dan tutorial dilaksanakan oleh tenaga pengajar manakala mekanisme penilaian akan dilaksanakan oleh pelajar bagi menentukan keputusan gred yang diperolehi. Pelajar diarahkan untuk membuat tugas yang diberikan oleh tenaga pengajar seperti kertas kerja, pembentangan, hafazan dan menjalani ujian. Semua pelajar yang mengambil kursus ini perlu terlibat dalam semua penkaedahan tersebut.

Kajian lepas mendapati elemen-elemen seperti sikap dan minat mempunyai perkaitan dengan penerimaan pelajar terhadap sesuatu kursus yang ditawarkan. Persoalannya apakah mekanisme penilaian yang dilaksanakan mempunyai perkaitan dengan penerimaan pelajar terhadap kursus yang ditawarkan. Isu inilah yang akan dijadikan sebagai persoalan kajian untuk mengenalpasti apakah mekanisme penilaian kursus mempunyai hubungan dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan cuba menerokai persoalan-persoalan tentang adakah terdapat hubungan antara mekanisme penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU serta sejauhmana tahap penerimaan pelajar terhadap kursus CTU. Berdasarkan persoalan kajian tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan nntuk menganalisa hubungan antara mekanisme penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus

CTU di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu dan juga untuk mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap kursus CTU. Manakala kerangka konsep kajian ini adalah seperti di bawah.



**Rajah 1: Kerangka Mekanisme Penilaian Kursus dan Hubungannya dengan Penerimaan Pelajar terhadap kursus CTU di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu**

## SOROTAN LITERATUR

Tinjauan literatur adalah satu aktiviti awal yang penting dalam sebarang penyelidikan. Menurut (Neuman, 2000), tinjauan literatur adalah untuk memastikan penyelidikan yang dijalankan adalah relevan serta menunjukkan bagaimana penyelidikan tersebut berkaitan dan menjadi pelengkap kepada bidang yang dikaji.

Pengajaran kursus CTU di UiTM dijalankan dengan dua kaedah iaitu kaedah kuliah serta tutorial dan ianya merupakan kaedah utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini. Selaras dengan tuntutan pasaran global, UiTM setakat ini menekankan kepada kaedah OBE (*Outcome Based Education*) kepada semua kursus yang ditawarkan termasuklah kursus CTU ini dan mekanisme penilaian kursus CTU ini adalah seperti berikut;

**Jadual 1: Kaedah Penilaian Semester Pertama dan Kedua**

| <b>Kerja kursus</b> | <b>Markah penilaian berterusan</b> |
|---------------------|------------------------------------|
| Kertas kerja        | 20 %                               |
| Ujian 1             | 20 %                               |
| Ujian 2             | 30 %                               |
| Hafazan             | 20 %                               |
| Analisa ayat        | 10 %                               |

**Jadual 2: Kaedah Penilaian Semester Ketiga**

| <b>Kerja kursus</b> | <b>Markah penilaian berterusan</b> |
|---------------------|------------------------------------|
| Kertas kerja        | 25 %                               |
| Ujian 1             | 10 %                               |
| Ujian 2             | 40 %                               |
| Pembentangan        | 15 %                               |
| Diskusi             | 10 %                               |

Penilaian merupakan perihal atau perbuatan, menilai dan menaksir (Kamus Dewan,1994). Ianya adalah suatu proses yang berterusan bagi mendapatkan maklumat semula dengan tujuan supaya perubahan kepada pelajar dalam aspek pemikiran, perasaan dan tingkah laku dapat dilakukan dengan sempurna (Abu Bakar Nordin,1990). Penilaian bagi mendapatkan maklumat mengenai pencapaian pelajar secara kuantitatif dapat dilakukan melalui pelbagai alat pengukuran ataupun melalui ujian. Kuiz, ujian, tutorial, tugas dan makmal merupakan bentuk-bentuk alat pengukuran atau pengujian yang biasa digunakan sebagai penilaian berterusan di kebanyakan IPTA dalam melihat pencapaian pelajar atau sebagai pengukur terhadap perubahan aspek tingkah laku seseorang individu terhadap pembelajarannya sepanjang semester (Farhana Sabidin, 2002). Penilaian yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan penilaian yang telah dibuat oleh pihak penggubal kursus bagi Kursus CTU untuk mendapat nilai gred pelajar. Ianya dibuat melalui dua kaedah iaitu melalui penilaian berterusan (*penilaian formatif*) dan penilaian peperiksaan/ujian akhir (*penilaian sumatif*).

Ee Ah Meng (1997) menyatakan penilaian berterusan merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilihat

sebagai produk dan juga sebagai satu proses dalam bidang pendidikan. Ia melibatkan proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan dan keupayaan pelajar berdasarkan pada objektif yang telah ditetapkan. Secara ringkas, penilaian berterusan ini digunakan untuk mengukur atau menilai sesuatu hasil pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan alat penilaian yang bersesuaian. Bentuk penilaian yang perlu digunakan dalam mengenalpasti kejayaan sesuatu kurikulum hendaklah diperbanyak. Kebergantungan kepada satu bentuk penilaian sahaja tidak mencukupi dalam mencapai segala matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam garis panduan penilaian pencapaian akademik pelajarnya. Oleh yang demikian, pemilihan kuiz, tutorial, ujian, tugas dan amali adalah teknik-teknik penilaian berterusan bagi menghasilkan satu kombinasi sistem penilaian berterusan yang baik dalam membentuk perkembangan potensi akademik pelajar (Farhana Sabidin, 2002).

Istilah ujian tidak asing lagi di dalam proses pengukuran dan penilaian di dalam sistem pendidikan. Ujian merupakan sebahagian daripada mekanisme penilaian yang dibuat ke atas pencapaian akademik pelajar dan merupakan perkara penting di dalam proses pembelajaran kerana ianya dapat menggalakkan pelajar memperbaiki pencapaian mereka, membantu pensyarah membuat taksiran tentang pembelajaran pelajar-pelajar dan akhirnya menggalakkan serta membolehkan pensyarah membuat taksiran tentang kesan pengajaran mereka (Muhammad Fairuzzairi, 2002). Menurut Zabidah Awang Ngah dalam Farhana Sabidin (2002), tiga segi emas bidang pendidikan menunjukkan kaitan antara tiga bidang penting iaitu objektif pendidikan, pengalaman pembelajaran dan penilaian pendidikan. Ketiganya saling pengaruh-mempengaruhi.

Hafizah (2002) menyatakan penilaian berterusan adalah satu teknik atau kaedah untuk mendapat maklum balas daripada pelajar tentang sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam situasi sesebuah kelas. Penilaian ini juga lebih menjurus kepada proses yang berterusan dari awal hingga akhir pembelajaran berdasarkan kepada beberapa prinsip yang tertentu. Zamali Hj Tarmudi (2004) pula berpendapat dalam konteks penilaian, menguji pelajar secara peperiksaan, ujian dan kuiz antara lain bertujuan untuk mendapatkan maklum balas yang tepat tentang kefahaman, kesediaan, kemajuan, pencapaian dan bakat pelajar. Ianya juga dibuat untuk mengkategorikan seseorang pelajar mengikut tahap tertentu seperti

cemerlang, sederhana atau lemah dalam penguasaan sesuatu kursus yang diikuti. Sistem penilaian di Kolej Komuniti menggunakan sistem penilaian semester yang dilakukan secara berterusan dalam semester tersebut. Sistem semester menggalakkan para pelajar mengulangkaji sepanjang masa dan akan menambahkan motivasi pelajar kerana mereka harus sentiasa tekun mengulangkaji pelajaran dan menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat (Mohd Fadhli, 2008).

Penilaian berterusan dapat menggantikan ujian akhir kerana penilaian berterusan sangat bernilai dalam diagnosis bakat dan kebolehan seseorang pelajar. Pensyarah mestilah mendapat ukuran tentang kebolehan ilmiah, pencapaian, minat dan pesonaliti pelajar supaya proses bimbingan akan mencapai kejayaan dalam proses penilaian ini. Penilaian berterusan akan menghasilkan maklumat yang penting untuk membantu pelajar mempertingkatkan usaha mereka dalam memperolehi keputusan yang lebih cemerlang (Rosni et.al, 2010). Tegasnya penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran sama pentingnya dengan proses pengajaran dan pembelajaran itu sendiri. Matlamat utama penilaian ialah untuk melihat prestasi akademik pelajar dan hasilnya boleh dijadikan asas kepada tenaga pengajar untuk mengenalpasti aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka serta penerimaan pelajar kepada kursus yang diajar.

Kajian-kajian terdahulu mendapati penilaian merupakan satu perkara penting untuk menilai pengajaran dan ianya juga akan membantu pelajar mempertingkatkan usaha mereka dalam memperolehi keputusan yang cemerlang. Kesimpulannya, mekanisme penilaian merupakan elemen penting yang perlu dibuat kajian bagi mengenalpasti penerimaan pelajar terhadap sesuatu kursus yang ditawarkan itu sama ada boleh diterima atau sebaliknya oleh pelajar-pelajar. Sebuah kursus yang baik perlulah mempunyai sistem penilaian yang baik serta berkesan. Individu dapat belajar dengan lebih baik apabila mereka menerima maklumbalas. Secara tidak langsung, cara penilaian sesebuah kursus memang akan mempengaruhi dan memberi impak kepada pelajar terbabit (RECCNI, 2012).

## **METODOLOGI**

Kaedah atau metodologi kajian merupakan aspek penting dalam memastikan objektif serta matlamat kajian dapat dicapai seperti yang telah dirancangkan. Menurut (Hornby,1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas satu subjek kajian yang tertentu. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan tentang rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan prosedur analisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

Rekabentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan iaitu menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian. Menurut Kerlinger (1986), kaedah tinjauan mempunyai kelebihan dalam sesuatu kajian kerana dapat mengumpulkan banyak maklumat daripada populasi bersaiz besar. Kajian korelasi telah dipilih untuk mengenalpasti hubungan antara pembolehubah seperti mencari hubungan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar. Menurut Mohamed Najib (1999), kajian korelasi menerangkan tentang kekuatan kaitan dan juga sama ada terdapat hubungan yang signifikan ataupun tidak. Manakala kajian deskriptif digunakan untuk mengetahui peratusan, min serta sisihan piawai pembolehubah. Menurut William Wiersma (1986), kajian yang menggunakan kaedah ini lazimnya merupakan satu kajian yang bersistematis kerana pembolehubah-pembolehubah selalunya tidak dimanipulasikan oleh pengkaji berkenaan.

Populasi yang digunakan dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar yang sedang belajar di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Sebahagian individu yang diambil melalui persempalan bagi mewakili populasi yang dikaji dinamakan sebagai sampel. Data yang diperolehi daripada sampel berkenaan boleh digunakan bagi menggambarkan maklumat berkaitan populasi yang dikaji (Mohd Majid,1993). Pengkaji telah memilih 1/3 daripada jumlah populasi yang ada sebagai sampel kajian. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada jadual pengiraan yang dibuat oleh (Krejcie & Morgan,1970). Prosedur persampelan yang digunakan ialah prosedur persampelan rawak berlapis (*stratified sampling procedure*). Pemilihan kawasan kajian dijalankan di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi mendapatkan data-data dan ianya sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Penggunaan kaedah ini adalah sesuai, senang untuk disoal, mengurangkan bias temubual, lebih cepat ditadbir serta mudah untuk dijawab oleh responden disamping memberikan keseragaman maklumbalas yang tinggi, yang akhirnya memudahkan urusan pemerosesan data (Kinner & Taylor, 1996).

## DAPATAN KAJIAN

**Jadual 3: Taburan Jantina Responden Kajian**

| Jantina   | Kekerapan | Peratusan |
|-----------|-----------|-----------|
| Lelaki    | 95        | 31.7      |
| Perempuan | 205       | 68.3      |

Kajian ini mendapati seramai 95 (31.7%) responden adalah terdiri daripada lelaki, manakala 205 (68.3%) adalah perempuan. Jumlah ini menunjukkan bilangan responden kajian yang telah mewakili peratusan sebenar populasi berdasarkan kriteria jantina.

**Jadual 4: Taburan Program Responden Kajian**

| Program                        | Kekerapan | Peratusan |
|--------------------------------|-----------|-----------|
| Perakaunan                     | 72        | 24.0      |
| Sains Gunaan                   | 70        | 23.3      |
| Pengurusan & Teknologi Pejabat | 69        | 23.0      |
| Pengurusan Perniagaan          | 30        | 10.0      |
| Seni Reka & Seni Lukis         | 59        | 19.7      |

Jadual 4 menunjukkan taburan program responden. Kajian menunjukkan bahawa seramai 72 responden (24.0%) terdiri daripada mereka yang mengikuti program Perakaunan, 70 responden (23.3%) daripada program Sains Gunaan, 69 responden (23.0%) daripada Pengurusan & Teknologi Pejabat, 30 responden (10.0%) terdiri daripada program Pengurusan Perniagaan dan 59 responden (19.7%) adalah daripada program Seni Reka & Seni Lukis.

**Jadual 5: Taburan Tahun Pengajian Responden Kajian**

| Tahun pengajian        | Kekerapan | Peratusan |
|------------------------|-----------|-----------|
| Semester 1             | 104       | 34.7      |
| Semester 2             | 99        | 33.0      |
| Semester 3 dan ke atas | 97        | 32.3      |

Tahun pengajian pelajar-pelajar di UiTM, bermula daripada semester pertama sehingga ke semester enam. Berdasarkan jadual 5 di atas, taburan responden tahun pengajian kajian mendapati, seramai 104 responden (34.7%) adalah terdiri daripada pelajar semester pertama, manakala 99 responden yang menyamai 33.0% adalah daripada semester kedua dan 97 responden iaitu 32.3% terdiri daripada pelajar semester tiga ke atas.

**Jadual 6: Taburan Umur Responden Kajian**

| Umur             | Kekerapan | Peratusan |
|------------------|-----------|-----------|
| 18-25 tahun      | 300       | 100       |
| 26-33 tahun      | 0         | 0         |
| 34 tahun ke atas | 0         | 0         |

Secara keseluruhannya taburan umur responden iaitu 300 (100%) berada dalam kategori umur 18 hingga 25 tahun. Peratusan yang ditunjukkan ini menunjukkan bahawa majoriti umur pelajar yang mengikuti pengajian di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur 18 hingga 25 tahun memandangkan mereka ini merupakan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**Jadual 7: Taburan Lokasi Kediaman Responden Kajian**

| Lokasi kediaman | Kekerapan | Peratusan |
|-----------------|-----------|-----------|
| Bandar          | 174       | 58.0      |
| Bandaraya       | 22        | 7.3       |
| Luar Bandar     | 104       | 34.7      |

Jadual 7 di atas menunjukkan taburan lokasi kediaman kajian. Seramai 174 responden iaitu menyamai 58.0% adalah terdiri daripada mereka yang berasal dari kawasan bandar, diikuti 104 iaitu 34.7% responden dari kawasan

luar bandar manakala hanya 22 responden (7.3%) berasal dari bandaraya. Senario ini menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil sahaja responden berasal dari bandaraya.

Fokus utama analisis dapatan dalam kajian ini adalah dalam bentuk statistik inferensi seperti korelasi untuk mengetahui hubungan antara pembolehubah. Data-data yang diperolehi dari kaedah statistik deskriptif ini dianalisa dalam bentuk min, sisihan piawai dan peratusan. Penentuan tahap adalah berdasarkan kajian Nik Mohd Rahimi (2005), iaitu nilai min 1.00 hingga 2.33 dikategorikan sebagai min tahap rendah, nilai min 2.34 hingga 3.67 dikategorikan sebagai min tahap sederhana dan nilai min 3.68 hingga 5.00 dikategorikan sebagai min tahap tinggi. Berdasarkan penentuan tahap skor min di atas, secara keseluruhannya min bagi mekanisme penilaian ialah 3.999 dan min bagi penerimaan pelajar terhadap kursus CTU iaitu 4.372 dan berada pada tahap yang tinggi. Kesemua dapatan data ini telah dipindahkan kepada *sistem word excel* untuk dibuat analisa. Hasil dapatan yang telah diproses melalui kaedah statistik deskriptif ini dilapor dalam bentuk min, peratus dan sisihan piawai. Item di dalam pembolehubah di atas dinyatakan seperti dalam jadual-jadual yang ditunjukkan.

Berdasarkan dapatan penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU, nilai min, peratusan dan sisihan piawai bagi penerimaan ini ditunjukkan dalam jadual di bawah.

**Jadual 8: Analisa peratus, min dan sisihan piawai penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU (n=300)**

| Item atau soalan  | STS (%) | TS (%) | TP (%) | S (%) | SS (%) | MIN  | SP    |
|---|---------|--------|--------|-------|--------|------|-------|
| Kursus CTU ini adalah penting bagi saya                           | -       | -      | 0.3    | 55.7  | 44.0   | 4.44 | 0.503 |
| Rugi sekiranya saya tidak mengambil kursus ini                    | -       | -      | 1.0    | 63.7  | 35.3   | 4.34 | 0.496 |
| Saya mengambil kursus ini bukan untuk lulus peperiksaan sahaja    | -       | -      | 0.3    | 59.7  | 40.0   | 4.40 | 0.497 |
| Saya berazam mendapat A untuk kursus ini                          | -       | -      | 0.7    | 48.0  | 50.7   | 4.50 | 0.514 |
| Saya gembira mengambil kursus ini kerana ianya menarik minat saya | -       | -      | 0.3    | 68.7  | 31.0   | 4.31 | 0.469 |

|   |   |     |     |      |      |      |       |
|---|---|-----|-----|------|------|------|-------|
| Kursus ini memberi kesan kepada saya untuk mengamalkan ajaran Islam dengan lebih baik | - | 0.3 | 4.3 | 58.7 | 36.7 | 4.32 | 0.569 |
| Saya seronok mengikuti pengajaran kursus ini  | - | -   | 0.7 | 61.3 | 38.0 | 4.37 | 0.498 |
| Pengajaran pensyarah boleh memberi pedoman kepada saya.                               | - | -   | 1.7 | 61.0 | 37.3 | 4.36 | 0.513 |
| Penilaian markah berterusan memotivasi saya   | - | -   | 1.7 | 60.3 | 38.0 | 4.36 | 0.515 |
| Penilaian markah ujian akhir membuatkan saya ingin mendapat A kursus ini.             | - | -   | 2.0 | 63.0 | 35.0 | 4.33 | 0.512 |

Jadual 8 menunjukkan nilai min, peratus dan sisihan piaawai tahap penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU. Kursus CTU ini mendapat penerimaan yang positif daripada pelajar-pelajar apabila mendapat hasil kajian memperolehi min pada tahap yang tinggi, iaitu lebih daripada 4.00. Hasil kajian mendapat item “Saya berazam mendapat A untuk kursus ini” mencatat min tertinggi iaitu 4.50 dan sisihan piawainya ialah 0.514. Terdapat sebanyak 50.7 peratus sangat setuju, diikuti 48.0 peratus setuju dan hanya 0.7 peratus tidak pasti. Item ini menunjukkan bahawa pelajar berminat untuk mendapatkan A dalam keputusan peperiksaan Kursus CTU dan ianya melambangkan bahawa pelajar boleh menerima kursus ini.

Pernyataan yang mempunyai min kedua tertinggi ialah “Kursus CTU ini adalah penting bagi saya” dengan nilai minnya 4.44 dan sisihan piaawai 0.503. Mendapat responden sangat setuju sebanyak 44.0 peratus, 55.7 peratus setuju dan hanya 0.3 peratus tidak pasti. Mendapat min ketiga tertinggi ialah “Saya mengambil kursus ini bukan untuk lulus peperiksaan sahaja” dengan mencatat min 4.40 dengan sisihan piawai 0.497. Sebanyak 40.0 peratus sangat setuju, diikuti 59.7 peratus setuju dan 0.3 peratus tidak pasti. Seterusnya pernyataan yang mendapat min yang paling sedikit ialah “Saya gembira mengambil kursus ini kerana ianya menarik minat saya” dengan mencatat min sebanyak 4.31 dan sisihan piawainya 0.469. Sebanyak 31.0 peratus responden sangat setuju, 68.7 peratus setuju dan hanya 0.3 peratus tidak pasti. Secara keseluruhannya min yang diperolehi bagi item pembolehubah bersandar penerimaan ini ialah 4.372 dan sisihan piaawai 0.4167. Kenyataan ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU di UiTM Kampus Kuala Terengganu berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 9: Analisa mengikut peratusan, min dan sisihan piawai pelajar terhadap penilaian kursus CTU (n=300)**

| Item atau soalan   | STS (%) | TS (%) | TP (%) | S (%) | SS (%) | Min  | SP    |
|--|---------|--------|--------|-------|--------|------|-------|
| Saya minat dengan penilaian markah ujian 20%   | 1.0     | 0.7    | 19.7   | 51.7  | 27.0   | 4.03 | 0.764 |
| Saya minat dengan penilaian markah kertas kerja 25%  | 1.0     | 0.3    | 23.3   | 52.3  | 23.0   | 3.96 | 0.753 |
| Saya minat dengan penilaian markah pembentangan 15%  | 1.0     | 0.3    | 24.0   | 56.0  | 18.7   | 3.91 | 0.724 |
| Saya berpuashati dengan cara pecahan markah ujian akhir  | -       | 1.3    | 20.3   | 60.3  | 18.0   | 3.95 | 0.660 |
| Saya berpuashati dengan pecahan markah hafazan   | 1.0     | 1.0    | 20.0   | 53.0  | 25.0   | 4.00 | 0.763 |
| Saya berpuashati dengan pecahan markah pembentangan  | 1.0     | 1.7    | 22.0   | 53.7  | 21.7   | 3.93 | 0.769 |
| Saya berpuashati dengan pecahan markah kertas kerja  | 0.7     | 1.3    | 21.3   | 50.0  | 26.7   | 4.01 | 0.772 |
| Markah penilaian berterusan sesuai dengan peringkat pelajar semester satu  | 1.0     | 1.7    | 16.0   | 50.3  | 31.0   | 4.09 | 0.788 |
| Markah ujian akhir sesuai dengan peringkat pelajar semester satu   | 1.0     | 1.0    | 16.3   | 54.3  | 27.3   | 4.06 | 0.752 |
| Markah 15% pembentangan memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini  | 3.0     | 1.7    | 16.3   | 50.3  | 28.7   | 4.00 | 0.888 |
| Markah 30% ujian memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini   | 0.7     | 3.7    | 18.7   | 49.7  | 27.3   | 3.99 | 0.818 |
| Markah 25% kertas kerja memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini  | 1.0     | 1.0    | 23.3   | 48.3  | 26.3   | 3.98 | 0.793 |
| Markah pembentangan membuatkan saya bersungguh untuk menjawab soalan-soalan dikemukakan                          | 1.3     | 1.3    | 17.3   | 49.3  | 30.7   | 4.07 | 0.807 |
| Markah kertas kerja membuatkan saya bersedia untuk mencari bahan rujukan   | 1.7     | 1.0    | 15.0   | 58.0  | 24.3   | 4.02 | 0.765 |
| Penilaian markah berterusan dan peperiksaan akhir membuatkan saya sentiasa bersungguh untuk mentelaah kursus ini | 0.7     | 1.3    | 18.0   | 58.0  | 22.0   | 3.99 | 0.718 |

Jadual 9 di atas menunjukkan analisa mengikut peratusan, min dan sisih piawai pelajar terhadap penilaian Kursus CTU. Hasil dapatan kajian didapati

pernyataan “Markah penilaian berterusan sesuai dengan peringkat pelajar semester satu” mencatat min tertinggi iaitu 4.09 dan sisihan piawainya ialah 0.788. Terdapat sebanyak 31.0 peratus responden menyatakan sangat setuju, 50.3 peratus setuju, 16.3 peratus tidak pasti, 1.7 peratus tidak setuju dan 1.0 peratus menyatakan sangat tidak setuju. Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Markah pembentangan membuatkan saya bersungguh untuk menjawab soalan-soalan dikemukakan ” mendapat sebanyak 30.7 peratus responden sangat setuju, 49.3 peratus setuju, 17.3 peratus tidak pasti, 1.3 peratus tidak setuju dan selebihnya 1.3 peratus sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.07 dengan sisihan piawainya 0.807. Seterusnya pernyataan “Saya berpuashati dengan pecahan markah pembentangan” mendapat min yang paling sedikit iaitu 3.93 dengan sisihan piawai 0.769. Sebanyak 21.7 peratus responden sangat setuju, diikuti 53.7 peratus setuju, 22.0 peratus tidak pasti, 1.7 peratus tidak setuju dan 1.0 peratus sahaja sangat tidak setuju. Min bagi keseluruhan aspek penilaian ini ialah 3.999 dan sisihan piawai 0.550.

**Jadual 10: Taburan Tahap dan Min Keseluruhan bagi Setiap Item**

| Item               | Min keseluruhan | Tahap  |
|--------------------|-----------------|--------|
| Penilaian kursus   | 3.999           | Tinggi |
| Penerimaan pelajar | 4.372           | Tinggi |

Jadual 10 di atas menunjukkan taburan keseluruhan tahap item soal selidik pelajar mengikut min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati min bagi mekanisme penilaian kursus ialah 3.999 dan item penerimaan pelajar mendapat min 4.372. Ini menunjukkan mekanisme penilaian kursus dan hubungannya dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU berada pada tahap yang tinggi.

Statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis nol kajian terutamanya apabila ingin melihat hubungan antara pembolehubah kajian. Aras 0.01 ( $p<0.01$ ) ditetapkan dalam kajian ini sebagai aras signifikan untuk menerima atau menolak hipotesis nol. Analisis inferensi seperti korelasi digunakan dalam kajian ini bagi melihat hubungan antara mekanisme penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Hasil analisis inferensi seperti korelasi ini akan menjawab kepada objektif kajian yang telah dijalankan.

**Hipotesis 1: Terdapat hubungan yang signifikan antara mekanisme penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu.**

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU. Hubungan ini dapat dilihat seperti di jadual berikut:

**Jadual 11: Korelasi Perhubungan antara Penilaian Kursus dengan Penerimaan Pelajar terhadap Kursus CTU di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu**

| Penerimaan pelajar | Signifikan <i>p</i> | Pearson , <i>r</i> |
|--------------------|---------------------|--------------------|
| Penilaian          | 0.000               | 0.370**            |

\*\*. Signifikan pada aras keertian 0.01 (Ujian 2 hujung).

Berdasarkan jadual 11, didapati nilai pekali korelasi, *r* bagi penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU adalah bersamaan dengan 0.370. Ianya menunjukkan pekali korelasi yang positif dan menjelaskan bahawa wujudnya perkaitan antara kedua pembolehubah tersebut. Memandangkan nilai *p*=0.000 adalah lebih kecil dari 0.01 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU dan pelajar juga menerima dengan baik Kursus CTU di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Kajian yang dibuat oleh Farhana (2002) berkaitan bentuk-bentuk alat pengukuran atau pengujian sebagai penilaian berterusan di kebanyakan IPTA dalam melihat pencapaian pelajar atau sebagai pengukur terhadap perubahan aspek tingkah laku seseorang individu terhadap pembelajarannya, menggambarkan terdapatnya perhubungan penilaian ini dengan penerimaan pelajar terhadap kursus yang diajar.

Melalui analisa inferensi yang telah dibuat, wujudnya perhubungan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap kursus tersebut. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini menjawab kepada tajuk kajian iaitu terdapat hubungan antara mekanisme penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU di UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Penerimaan yang baik oleh pelajar terhadap kursus ini bertepatan dengan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu terhadap kursus Pendidikan Islam. Kenyataan ini dapat

dilihat melalui kajian yang telah dibuat oleh Siti Fatimah Tasir (2004) dalam kajiannya yang mendapati bahawa 97% pelajar seronok mempelajari kursus Pendidikan Islam.

## **KESIMPULAN**

Hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan adanya hubungan antara mekanisme penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU yang ditawarkan dalam pelan pembelajaran mereka di UiTM Kampus Kuala Terengganu. Ini berdasarkan nilai min yang ditunjukkan dalam setiap pembolehubah berada ditatah yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar menerima dengan baik Kursus CTU, iaitu kursus Pendidikan Islam. Hasil dapatan kajian ini telah menjawab persoalan serta objektif kajian yang dibentuk. Beberapa kaedah penilaian lain juga perlu diberi perhatian dalam memastikan pelajar lebih meminati kursus pendidikan Islam dan bukan sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja, sebaliknya untuk penambahbaikan dan perubahan akhlak khususnya. Selain itu, sekiranya mekanisme penilaian kursus dibentuk selari dengan kurikulum yang digubal, hasilnya graduan yang dilahirkan oleh Institusi Pengajian Tinggi berkenaan akan dapat memenuhi pasaran kerja mengikut keperluan industri dan negara.

## **PENGHARGAAN**

Pengkaji merakamkan ucapan terima kasih pada semua yang terlibat dalam menyiapkan kajian mekanisme penilaian kursus dan hubungannya dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU di UiTM, khususnya kepada pelajar sebagai responden kajian, penggubal kursus, universiti yang turut memberi kerjasama dan sokongan dari segi masa dan ruang untuk pengkaji merealisasikan kajian ini agar objektif kajian tercapai.

## **RUJUKAN**

Abu Bakar Nordin. (1990): Asas Penilaian Pendidikan, Siri Maktab Perguruan, 4.

Che Yusof Che Lah., Bamavathy a/p Marimuthu., Boay Yoke Cheng. (2009). Pengukuran, pengujian dan penilaian Kdp 14 minggu Oum Ipik, 32.

Ee Ah Meng. (1997). Pedagogi II, Perlaksanaan Pengajaran. Selangor. Fajar Bakti Sdn.Bhd, 30.

Farhana binti Sabidin. (2002). Perlaksanaan Penilaian Berterusan Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian Di Politeknik Johor Bahru. *Tesis Sarjana*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn, 1,2,3,6.

Hafizah Rina binti Abas. (2002). Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Penilaian Berterusan Dalam Meningkatkan Prestasi Akademik Pelajar Menurut Persepsi Pensyarah Dan Pelajar Semester 2, Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Tun Hussein Onn, 23.

Hornby. (1985). “Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English”, Oxford University Press, 720-768. New York.

Kamus Dewan. (1994), 930.

Kinnear, T. L & Taylor. (1996). Marketing Research. 5th Edition. Mc Graw Hill, New York.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities.

Muhammad Fairuzzairi bin Abdul Hamid.(2002). Penghasilan Garis Panduan Pembinaan Item Ujian Buatan Guru. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Tun Hussein Onn, 22.

Muhammad Rahimi Osman. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM MALIM. *SEA Journal a/General Studies II*, 7.

Mohd Fadhl Bin Ahmad. (2008). Amalan Pentaksiran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Komuniti Di Negeri Johor. Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 5.

Mohd. Najib Abdul Ghaffar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Neuman,W.L(2000). Social Research Methods:*Qualitative And Quantitative Approaches.*(4<sup>th</sup> ed.), 10.2307/3211488, Boston: Allyn & Bacon.

Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar. *Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI2012), 19-21 June 2012, Kuala Lumpur*, 1-12.

Rosni Zamudin Shah, Ahmad Azman., Ahmad Saiful Redza. (2010). Persepsi Pelajar Tahun Akhir Teknikal Terhadap Penilaian Berterusan Untuk Mata Pelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik Di Fakulti Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia Skudai (pp.1-7).

Siti Fatimah Tahir. (2004). Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Akhlak Pelajar-Pelajar UiTM: Satu Kajian Khusus Di UiTM Kampus Machang, 69. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

William Wiersma. (1986). *Research Methods in Education: An Introduction.* Massachusetts: Allyn and Bacon, Inc.,.

Zamali Hj. Tarmudi., & Mohd Ruzaleh Nurdik. (2004). Persepsi Pelajar Berpencapaian Rendah Terhadap Empat Aspek Pengajaran:Satu Tinjauan Awal. Kertas Kerja Institut Penyelidikan,Pembangunan Dan Pengkomersilan (IRDC). Shah Alam. Februari (1-55). Anjuran Universiti Teknologi MARA, 8.